

-----  
Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 11 Februari 2022



## KENYATAAN MEDIA

### BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2021

---

#### **KDNK Malaysia pulih 3.6 peratus pada ST4 2021 dipacu oleh lonjakan permintaan luaran**

**PUTRAJAYA, 11 Februari 2021** – Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini telah menerbitkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun keempat 2021 dan prestasi ekonomi Malaysia bagi tahun 2021.

KDNK Malaysia pada suku tahun keempat 2021 pulih 3.6 peratus seiring dengan pertumbuhan kukuh Eksport dan Import pada suku tahun ini. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat 6.6 peratus (ST3 2021: -3.6%). Di samping itu, prestasi ekonomi bulanan berkembang sederhana pada suku tahun keempat dengan pertumbuhan 2.7 peratus pada Oktober dan meningkat kepada 5.4 peratus pada November 2021. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini menyederhana kepada 2.6 peratus pada Disember 2021. Secara keseluruhan, prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2021 telah menunjukkan momentum pemulihan dengan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding penurunan 5.6 peratus pada tahun 2020.

Daripada kedudukan ekonomi semasa, prestasi ekonomi tahun 2021 masih di bawah paras pra-pandemik 2019. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi pada suku tahun keempat 2021 telah melepas paras suku tahun keempat 2019 sebanyak 0.01 peratus.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Prestasi ekonomi pada suku tahun keempat 2021 dari segi penawaran dipacu terutamanya oleh sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian. Dari sudut permintaan pula, semua komponen perbelanjaan mencatatkan prestasi positif kecuali Pembentukan modal tetap kasar".

Beliau menyatakan bahawa, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Pembuatan** yang mana merupakan penyumbang utama kepada prestasi ekonomi Malaysia. Sektor Pembuatan meningkat ketara 9.1 peratus (ST3 2021: -0.8%) pada suku tahun keempat 2021 dipengaruhi oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (16.4%) diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (6.5%). Pemulihan dalam Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (5.8%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (5.6%) turut mempengaruhi prestasi sektor ini. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Pembuatan meningkat 8.3 peratus (ST3 2021: -1.8%)".

Sektor **Perkhidmatan** meningkat 3.2 peratus (ST3 2021: -4.9%) pada suku tahun keempat 2021. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini pulih 7.0 peratus. Prestasi ini dipengaruhi oleh subsektor Perkhidmatan swasta yang merekodkan kenaikan 2.7 peratus (ST3 2021: -6.8%) disokong oleh subsektor Maklumat & komunikasi (6.8%), Pengangkutan & penyimpanan (11.7%) dan Kewangan & insurans (4.0%). Selain itu, Perdagangan borong & runcit mencatatkan pertumbuhan 1.3 peratus sementara subsektor Hartanah, Perkhidmatan perniagaan dan Pendidikan swasta masih mengekalkan tren penurunan.

Sektor **Pertanian** meningkat 2.8 peratus (ST3 2021: -1.9%) pada suku tahun ini disokong oleh pemulihan subsektor Kelapa sawit (4.8%) dan peningkatan dalam subsektor Pertanian lain (5.4%). Pertumbuhan subsektor Kelapa sawit adalah selari dengan peningkatan dalam pengeluaran buah tandan segar manakala pertumbuhan subsektor Pertanian lain disumbangkan oleh sayur-sayuran, buah-buahan dan padi. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan marginal 0.2 peratus bagi pelarasan musim.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** merosot 0.9 peratus (ST3 2021: -3.6%) dipengaruhi oleh subsektor Minyak mentah & kondensat yang menyusut 6.5 peratus (ST3 2021: -8.0%) pada suku tahun ini. Sementara itu, subsektor Gas asli menunjukkan peningkatan 3.9 peratus (ST3 2021: 2.1%). Bagi terma pelarasan musim, sektor ini mencatatkan peningkatan marginal 0.6 peratus.

Sektor **Pembinaan** merekodkan penurunan dua digit 12.2 peratus (ST3 2021: -20.6%) pada suku tahun keempat 2021. Kejatuhan dalam sektor ini terutamanya dipengaruhi oleh penurunan dalam Bangunan kediaman (-24.3%), Kejuruteraan awam (-18.8%) serta Bangunan bukan kediaman (-11.9%). Walau bagaimanapun, subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas terus berkembang 9.0 peratus (ST3 2021: 8.9%) pada suku tahun ini. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Pembinaan meningkat 6.2 peratus (ST3 2021: -13.5%).

Mengulas lanjut dari segi permintaan, Ketua Perangkawan Malaysia berkata "**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** yang menyumbang 58.0 peratus kepada KDNK suku tahun keempat 2021, pulih 3.7 peratus (ST3 2021: -4.2%) dipengaruhi oleh peningkatan penggunaan dalam Makanan & minuman bukan alkohol (5.1%), Komunikasi (12.6%) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.0%).

Sementara itu, perbelanjaan Restoran & hotel (3.8%) dan Pengangkutan (2.0%) juga meningkat pada suku tahun ini. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan 6.4 peratus”.

**Pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** atau pelaburan aset tetap jatuh 3.3 peratus (ST3 2021: -10.8%) pada suku tahun ini. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan kenaikan 10.9 peratus. Penyusutan lebih kecil bagi PMTK dipengaruhi oleh peningkatan dua digit dalam Jentera & peralatan (16.4%). Walau bagaimanapun, Struktur dan Aset lain masing-masing mencatatkan penurunan 15.5 peratus dan 3.1 peratus. Berdasarkan PMTK mengikut sektor, kedua-dua sektor Awam dan Swasta merekodkan kejatuhan yang sederhana pada suku tahun keempat 2021.

**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** bertumbuh sederhana 4.3 peratus (ST3 2021: 8.1%) disokong oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan dengan kesihatan pada suku tahun ini. Peningkatan perbelanjaan dalam perkhidmatan kesihatan adalah merupakan usaha kerajaan dalam melancarkan program suntikan dos penggalak COVID-19. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan jatuh 6.0 peratus (ST3 2021: 5.2%).

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa “Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing melonjak kepada 13.3 peratus (ST3 2021: 5.1%) dan 14.6 peratus (ST3 2021: 11.7%) berikutan dagangan barang dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Oleh itu, **Eksport bersih** meningkat sebanyak 2.6 peratus berbanding penurunan 37.5 peratus pada suku tahun sebelumnya didorong oleh lonjakan permintaan luaran.”

Prestasi keseluruhan tahun 2021 disumbangkan oleh pemulihan dalam sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Sementara itu, sektor Pertanian dan Pembinaan menunjukkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan KDNK secara keseluruhan didorong oleh komponen Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan. Sebaliknya, Pembentukan modal tetap kasar dan Eksport bersih masih dalam pertumbuhan negatif. Pada tahun 2021, KDNK pada harga semasa berjumlah RM1.5 trilion dengan Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat sebanyak 7.7 peratus berbanding 2020.

### **Prestasi KDNK 2021 berbanding 2019**

Prestasi pada tahun 2021 didapati masih di bawah paras pra-pandemik 2019 dipengaruhi pertumbuhan yang berkurang oleh kesemua sektor kecuali sektor Pembuatan. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi didapati masih rendah sebanyak 3.7 peratus berbanding paras 2019 (Carta 7). Subsektor Penginapan adalah yang paling terjejas dengan hanya mampu mencatatkan kurang separuh daripada paras pra-pandemik dengan mata indeks 37.6 (Carta 8).

Sebaliknya, Maklumat & komunikasi, Kewangan & Insurans dan Utiliti telah melepas paras ekonomi pada 2019. Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta merekodkan sedikit penurunan berbanding 2019 dengan 97.4 mata indeks (Carta 9). Namun, penggunaan isi rumah bagi barang keperluan iaitu Makanan & minuman bukan alkohol; Komunikasi; dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain telah melepas penggunaan pada tahun 2019 (Carta 10). Pada masa yang sama, perbelanjaan bagi Pembentukan modal tetap kasar adalah 15.2 peratus lebih rendah pada 2021 (Carta 9).


Berdasarkan kepada senario semasa, prestasi ekonomi suku keempat tahun 2021 menunjukkan pemulihan meskipun masih bergelut dengan pandemik COVID-19 dan bencana alam secara serentak. Mengakhiri tahun 2021, lebih banyak aktiviti ekonomi, sosial dan rekreasi telah beroperasi semula apabila kesemua negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kelonggaran pergerakan merentas negeri telah memberi kesan yang signifikan terutamanya kepada industri pelancongan domestik. Perkembangan positif ini membolehkan peniaga memulihkan momentum perniagaan dan sekaligus berupaya memacu proses pemulihan ekonomi di Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Diterbitkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 FEBRUARI 2022**

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada Harga Malar 2015, ST1 2018 – ST4 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan pada Harga Malar 2015, ST1 2018 – ST4 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan pada Harga Malar 2015, Jan. 2020 – Dis. 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST3 – ST4 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 5: Pertumbuhan KDNK Bulanan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Okt. – Dis. 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 6: KDNK Pelarasan Musim (Peratus Perubahan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST2 2015 – ST4 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 7: Indeks Paras Ekonomi Pra-Pandemik (2019=100) mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 8: Indeks Paras Ekonomi Pra-Pandemik (2019=100) bagi sektor Perkhidmatan**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:


- i. 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (2019=100)
- ii. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi tahun pra-pandemik 2019
- iii. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada tahun pra-pandemik 2019

**Carta 9: Indeks Paras Ekonomi Pra-Pandemik (2019=100) mengikut Jenis Perbelanjaan**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 10: Indeks Paras Ekonomi Pra-Pandemik (2019=100) bagi Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

- iv. 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (2019=100)
- v. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi tahun pra-pandemik 2019
- vi. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada tahun pra-pandemik 2019

**'Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, 11<sup>th</sup> February 2022'**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

### **MEDIA STATEMENT**

#### **FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FOURTH QUARTER OF 2021**

***Malaysia's GDP rebounded 3.6 per cent in Q4 2021 driven by higher external demand***

**PUTRAJAYA, 11 February 2022** – The Department of Statistics, Malaysia today released statistics of Gross Domestic Product (GDP) for the fourth quarter of 2021 and Malaysia's economic performance for the year 2021.

*Malaysia's GDP in the fourth quarter of 2021 rebounded 3.6 per cent in tandem with sturdy growth of Exports and Imports in this quarter. For quarter-on-quarter seasonally adjusted GDP turned around 6.6 per cent (Q3 2021: -3.6%). Correspondingly, the monthly economic performance has grown modestly in the fourth quarter with the growth of 2.7 per cent in October and accelerated to 5.4 per cent in November 2021. Nonetheless, the growth moderated to 2.6 per cent in December 2021. Overall, Malaysia's economic performance in 2021 showed a recovery momentum with the growth of 3.1 per cent as compared to a decline of 5.6 per cent in 2020.*

*From the current economic standing, the performance in 2021 is still below its pre-pandemic level in 2019. However, the economic performance for the fourth quarter of 2021 has surpassed the level of fourth quarter of 2019 by 0.01 per cent.*

*According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic performance in the fourth quarter of 2021 on the supply side was primarily driven by the Manufacturing, Services and Agriculture sectors. On the demand side, all expenditure components experienced positive performance except for Gross fixed capital formation".*

He added that, “In terms of sectoral performance, **Manufacturing** sector was the main contributor to the Malaysia’s economic. The Manufacturing sector grew strongly by 9.1 per cent (Q3 2021: -0.8%) in the fourth quarter of 2021 led by Electrical, electronic & optical products (16.4%) followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products (6.5%). The recovery in Non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products (5.8%) and Wood products, furniture, paper products and printing (5.6%) also influenced the performance of this sector. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall Manufacturing sector increased 8.3 per cent (Q3 2021: -1.8%)”.

The **Services** sector rose by 3.2 per cent (Q3 2021: -4.9%) in the fourth quarter of 2021. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector rebounded 7.0 per cent. The performance was attributed to the Private services sub-sector, which recorded an increase of 2.7 per cent (Q3 2021: -6.8%) supported by Information & communication (6.8%), Transportation & storage (11.7%) and Finance & insurance (4.0%) sub-sectors. In addition, Wholesale & retail trade recorded a growth of 1.3 per cent while Real estate, Business services and Private education sub-sectors remained in a declining trend.

The **Agriculture** sector turned around 2.8 per cent (Q3 2021: -1.9%) in this quarter backed by the rebound in Oil palm (4.8%) and the increase in Other agriculture (5.4%) sub-sectors. The increase of Oil palm sub-sector was in line with the higher production in fresh fruit bunches while the growth of Other agriculture sub-sector was contributed by vegetables, fruits and paddy. Agriculture sector recorded a marginal increase of 0.2 per cent on a seasonally adjusted terms.

The **Mining & quarrying** sector contracted 0.9 per cent (Q3 2021: -3.6%) influenced by Crude oil & condensate sub-sector which declined 6.5 per cent (Q3 2021: -8.0%) in this quarter. Meanwhile, the Natural gas sub-sector increased 3.9 per cent (Q3 2021: 2.1%). In terms of seasonally adjusted, this sector registered a marginal increase of 0.6 per cent.

The **Construction** sector recorded a double-digit decline of 12.2 per cent (Q3 2021: -20.6%) in the fourth quarter of 2021. The decline in this sector was mainly influenced by a drop in Residential buildings (-24.3%), Civil engineering (-18.8%) as well as Non-residential buildings (-11.9%). Nonetheless, Specialised construction activities further expanded 9.0 per cent (Q3 2021: 8.9%) in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall Construction sector increased 6.2 per cent (Q3 2021: -13.5%).

Commenting further on the demand side, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption expenditure** which contributed 58.0 per cent to GDP in the fourth quarter of 2021, rebounded 3.7 per cent (Q3 2021: -4.2%) attributed to the higher consumption in Food and non-alcoholic beverages (5.1%), Communication (12.6%) and Housing, water, electricity, gas & other fuels (2.0%). Furthermore, consumption of Restaurants & hotels (3.8%) and Transport (2.0%) grew in this quarter.

*On a seasonally adjusted quarter-on-quarter terms, the overall performance of Private final consumption expenditure posted an increase of 6.4 per cent".*

**Gross fixed capital formation (GFCF)** or investment on fixed assets decreased by 3.3 per cent (Q3 2021: -10.8%) in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonal adjusted performance, the GFCF registered an increase of 10.9 per cent. The smaller decline of GFCF was influenced by the double-digit increase in Machinery & equipment (16.4%). On the contrary, Structure and Other assets registered a decline of 15.5 per cent and 3.1 per cent, respectively. Based on GFCF by sector, both Public and Private sectors recorded a moderate decrease in the fourth quarter 2021.

**Government final consumption expenditure** moderated 4.3 per cent (Q3 2021: 8.1%) supported by spending on supplies and services attributed to the health-related expenditure in this quarter. The increased in consumption on health services was driven by the Government's effort in the COVID-19 booster roll-out program. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure decreased 6.0 per cent (Q3 2021: 5.2%).

He also mentioned that "Both **Exports** and **Imports** accelerated to 13.3 per cent (Q3 2021: 5.1%) and 14.6 per cent (Q3 2021: 11.7%) respectively following the higher trade of goods and services. Therefore, **Net exports** rose by 2.6 per cent as compared to a decrease of 37.5 per cent in the preceding quarter driven by higher external demand.

The overall economic performance in 2021 was driven by the recovery in the Manufacturing, Services and Mining & quarrying sectors. Meanwhile, the Agriculture and Construction sectors showed a decline in 2021. Overall GDP expenditure was impelled by the components of Private final consumption expenditure and Government final consumption expenditure. On the other hand, Gross fixed capital formation and Net exports were still in the negative growth. In 2021, GDP at current prices amounted to RM1.5 trillion with a Gross National Income per capita increased by 7.7 per cent as compared to 2020.

### **GDP performance 2021 compared to 2019**

Performance in 2021 was still below its pre-pandemic level of 2019 influenced by all sectors except for Manufacturing sector. Services sector which was the major contributor to the economy was lower by 3.7 per cent as compared to 2019 level (Chart 7). Accommodation sub-sector was the most affected which only managed to record less than half from the pre-pandemic level with 37.6 index point (Chart 8). On the other hand, Information & communication, Finance & insurance and Utilities have surpassed the economic level in 2019. On the demand side, Private final consumption expenditure recorded slightly lower than 2019 with 97.4 index point (Chart 9). Nonetheless, household components related to essential items namely Food & non-alcoholic beverages; Communication; and Housing, water, electricity, gas & other fuels have exceeded the 2019 consumption (Chart 10). Concurrently,

*expenditure on Gross fixed capital formation was also lower by 15.2 per cent in 2021(Chart 9).*

*Based on the current scenario, the economic performance of the fourth quarter of 2021 signaled a recovery despite encountering the COVID-19 pandemic and natural disasters simultaneously. Towards the end of 2021, more economic, social and recreational activities resumed their operations as all states have transitioned to Phase 4 of the National Recovery Plan (NRP). The easing of inter-state travel restriction has given significant repercussions, especially on the domestic tourism-related industries. This positive development will enable entrepreneurs to restore business momentum, thus will drive economic rebound in Malaysia.*

*The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by the selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**


**11 FEBRUARY 2022**

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2018 – Q4 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 2: Quarterly GDP Growth at Constant 2015 Prices, Q1 2018 – Q4 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 3: Monthly GDP Growth at Constant 2015 Price, Jan. 2020 – Dec. 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q3 – Q4 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 5: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Oct. – Dec. 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 6: Seasonally Adjusted GDP (Percentage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q4 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 7: Index on Pre-pandemic Economic Level Comparison (2019=100) by Kind of Economic Activity**



Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 8: Index on Pre-pandemic Economic Level Comparison (2019=100) for Services sector**




Source: Department of Statistics Malaysia

Notes:


- 2019 as the pre-pandemic reference year (2019=100)
- Index > 100 indicates the level has exceeded the year 2019 pre-pandemic level
- Index < 100 indicates the level has a shortfall from the year 2019 pre-pandemic level

**Chart 9: Index on Pre-pandemic Economic Level Comparison (2019=100) by Type of Expenditure**



Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 10: Index on Pre-pandemic Economic Level Comparison (2019=100) for Private Final Consumption Expenditure**



Source: Department of Statistics Malaysia

Notes:

- iv. 2019 as the pre-pandemic reference year (2019=100)
- v. Index > 100 indicates the level has exceeded the year 2019 pre-pandemic level
- vi. Index < 100 indicates the level has a shortfall from the year 2019 pre-pandemic level